

UNDANG-UNDANG MALAYSIA

Akta 5

AKTA KESALAHAN PILIHAN RAYA 1954

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I PERMULAAN DAN PENTAFSIRAN

Seksyen

1. Tajuk ringkas dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II KESALAHAN PILIHAN RAYA

3. Kesalahan oleh mana-mana orang
4. Kesalahan oleh pegawai pilihan raya
- 4A. Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan
5. Memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya
6. Kesalahan terhadap Bahagian ini

BAHAGIAN III PERBUATAN RASUAH

7. Penyamaran
8. Penjamuan
9. Pengaruh tidak wajar
10. Penyogokan
11. Hukuman dan ketidakupayaan kerana perbuatan rasuah

BAHAGIAN IV

EJEN PILIHAN RAYA, BELANJA PILIHAN RAYA
DAN PERBUATAN YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG

Seksyen

12. Penamaan ejen pilihan raya
13. Hilang kelayakan untuk dilantik sebagai ejen pilihan raya, dsb.
14. Membuat pelantikan dan kontrak melalui ejen pilihan raya
15. Pembayaran belanja melalui ejen pilihan raya
- 15A. Larangan mengenai belanja tertentu semasa tempoh berkempen
16. Tempoh bagi menghantar tuntutan dan membuat pembayaran bagi belanja pilihan raya
17. Saraan ejen pilihan raya
18. (*Dipotong*)
19. Belanja yang lebih daripada maksimum ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang
20. Belanja tertentu ialah perbuatan yang menyalahi undang-undang
21. Pengambilan kerja tertentu menyalahi undang-undang
22. Kecualian bagi pemiutang
- 22A. Pengecualian daripada duti setem
23. Penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya
24. Penyiaran penyerahan penyata, dsb.
- 24A. Batasan diayah politik pada hari penamaan
- 24B. Kempen pilihan raya dan batasan mengenainya
25. Majikan hendaklah membenarkan tempoh yang munasabah bagi pekerja mengundi
26. Batasan pada hari mengundi
- 26A. Barung hendaklah diadakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya
- 26B. (*Dipotong*)
27. Hukuman bagi sabitan kerana perbuatan yang menyalahi undang-undang

BAHAGIAN IVA
PASUKAN PENGUAT KUASA

Seksyen

- 27A. Tafsiran berhubung dengan Bahagian ini
- 27B. Penubuhan pasukan penguat kuasa
- 27C. Keanggotaan pasukan penguat kuasa
- 27D. Kawasan kawalan pasukan penguat kuasa
- 27E. Fungsi pasukan penguat kuasa
- 27F. Pelantikan wakil parti politik
- 27G. Keputusan pasukan penguat kuasa
- 27H. Aduan kepada pegawai pengurus

BAHAGIAN V

MAAF KERANA PERBUATAN RASUAH ATAU
PERBUATAN YANG MENYALAH
UNDANG-UNDANG

- 28. Laporan yang membebaskan calon dalam perbuatan rasuah dan perbuatan yang menyalahi undang-undang tertentu yang dilakukan oleh ejen
- 29. Kuasa bagi mengecualikan perbuatan tidak salah daripada menjadi perbuatan yang menyalahi undang-undang, dsb.
- 30. Maaf yang dibenarkan kerana tidak mematuhi peruntukan tentang penyata dan akuan berkenaan dengan belanja pilihan raya
- 30A. Tempoh pembuatan permohonan untuk mendapatkan maaf

BAHAGIAN VI

ALASAN BAGI MEMBATALKAN
PEMILIHAN

- 31. Pembatalan oleh sebab sabitan calon
- 32. Pembatalan pemilihan atas petisyen pilihan raya

BAHAGIAN VII

PETISYEN PILIHAN RAYA

- 33. Pelantikan dan kuasa Hakim Pilihan Raya

Seksyen

34. Siapakah yang boleh mengemukakan petisyen
35. Relief yang boleh dituntut
- 35A. Masa untuk menyelesaikan perbicaraan petisyen pilihan raya
36. Keputusan Hakim Pilihan Raya
- 36A. Rayuan
- 36B. Masa untuk menyelesaikan pendengaran rayuan
- 36C. Kesan keputusan Hakim Pilihan Raya atau Mahkamah Persekutuan
37. Laporan Hakim atau Pendaftar tentang perbuatan rasuah atau perbuatan yang menyalahi undang-undang
38. Masa untuk pengemukaan
39. Larangan mengenai pendedahan undi
40. Undi hendaklah dipotong dalam suatu tafahus
41. Penolakan kertas undi oleh pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi muktamad
42. Tatacara dan amalan mengenai petisyen pilihan raya

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

Kesalahan mengembangkan perasaan jahat atau permusuhan

4A. (1) Mana-mana orang yang, sebelum, semasa atau selepas sesuatu pilihan raya, secara langsung atau tidak langsung, dengan sendiri atau melalui mana-mana orang lain bagi pihaknya, melakukan apa-apa perbuatan atau membuat apa-apa pernyataan dengan tujuan atau dengan kecenderungan untuk mengembangkan perasaan jahat, tidak puas hati atau permusuhan antara orang yang terdiri daripada kaum yang sama atau kaum yang berlainan atau daripada golongan yang sama atau golongan yang berlainan penduduk Malaysia untuk mendorong mana-mana pemilih atau pengundi supaya mengundi atau tidak mengundi dalam sesuatu pilihan raya atau untuk mendapatkan atau berusaha untuk mendapatkan mana-mana orang dipilih boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

(2) Tertakluk kepada apa-apa peruntukan tertentu yang berlawanan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan sesuatu pilihan raya, mana-mana orang yang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah seksyen ini tidak boleh didaftarkan atau disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam sesuatu pilihan raya atau dipilih dalam sesuatu pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari sabitan itu, dan jika pada tarikh itu dia telah pun dipilih dalam sesuatu pilihan raya, kerusinya hendaklah dikosongkan dari tarikh sabitan itu.

Memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya

5. (1) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen dan mana-mana orang lain (kemudian daripada ini disebut “orang yang dibenarkan” dalam seksyen ini) yang dibenarkan hadir dalam mana-mana urusan yang berkaitan dengan pengeluaran atau penerimaan kertas undi pos, atau di sesuatu tempat mengundi, atau pada masa pengiraan undi, hendaklah, sebelum hadir sedemikian, mengangkat sumpah kerahsiaan yang pada keseluruhannya mengikut Borang A dalam Jadual Pertama.

(2) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen dan orang yang dibenarkan yang hadir di sesuatu tempat mengundi hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian di tempat itu, dan tidak boleh menyampaikan, kecuali bagi sesuatu maksud yang dibenarkan oleh undang-undang, sebelum pengundian itu ditutup, apa-apa

maklumat tentang nama atau nombor mana-mana pemilih dalam daftar pemilih yang telah atau belum memohon untuk mendapatkan suatu kertas undi atau yang telah atau belum mengundi di tempat itu, atau tentang tanda rasmi, kepada mana-mana orang tetapi jumlah bilangan pengundi yang telah mengundi di mana-mana tempat pada bila-bila masa sebelum pengundian ditutup boleh, menurut budi bicara ketua tempat mengundi, dizahirkan kepada seseorang calon atau ejennya atau seseorang pegawai polis yang dibenarkan hadir atau yang bertugas di tempat mengundi itu.

(3) Tiada pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen, pegawai polis atau orang yang dibenarkan itu dan tiada seorang jua pun boleh di tempat mengundi cuba mendapatkan maklumat tentang calon yang akan atau telah diundi oleh mana-mana pengundi di tempat itu, atau pada bila-bila masa menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati di sesuatu tempat mengundi tentang calon yang akan atau telah diundi oleh mana-mana pengundi di tempat itu kepada mana-mana orang, atau tentang nombor kertas undi yang diberikan kepada mana-mana pengundi di tempat itu.

(4) Tiap-tiap pegawai, kerani, jurubahasa, calon, ejen, pegawai polis dan orang yang dibenarkan, yang hadir pada masa pengiraan undi hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian itu, dan tidak boleh cuba menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati dalam pengiraan itu tentang calon yang baginya apa-apa undi telah diberikan oleh mana-mana kertas undi tertentu.

(5) Tiada seorang pun, kecuali ketua tempat mengundi yang bertindak bagi sesuatu maksud yang dibenarkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya atau seseorang yang dibenarkan oleh ketua tempat mengundi dan yang bertindak bagi maksud yang disebut terdahulu, boleh berhubung atau cuba berhubung dengan mana-mana pengundi selepas pengundi itu menerima suatu kertas undi dan sebelum dia memasukkannya ke dalam peti undi.

(6) Tiap-tiap orang yang menghadiri mana-mana urusan berkaitan dengan pengeluaran atau penerimaan kertas undi untuk orang yang mengundi melalui pos hendaklah memelihara, dan membantu dalam memelihara, kerahsiaan pengundian itu dan tidak boleh tanpa sebab yang sah—

- (a) menyampaikan apa-apa maklumat yang didapati dalam urusan itu tentang apa-apa pertindikan, cap atau tanda rasmi yang akan digunakan berkaitan dengan mana-mana kertas undi kepada mana-mana orang sebelum pengundian ditutup;
- (b) menyampaikan kepada mana-mana orang apa-apa maklumat yang didapati dalam urusan itu tentang nombor kertas undi yang dihantar kepada mana-mana orang pada bila-bila masa;
- (c) cuba menentukan dalam urusan berkaitan dengan penerimaan kertas undi nombor pada mana-mana kertas undi; atau
- (d) cuba menentukan dalam urusan berkaitan dengan penerimaan kertas undi calon yang baginya apa-apa undi telah diberikan dalam mana-mana kertas undi tertentu atau menyampaikan apa-apa maklumat berkenaan dengannya yang didapati dalam urusan itu.

(7) Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan seksyen ini boleh, apabila disabitkan, dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau didenda tidak melebihi tiga ribu ringgit atau dipenjarakan dan didenda kedua-duanya.

Kesalahan terhadap Bahagian ini

6. (1) Tiap-tiap orang yang menyubahati pelakuan atau yang cuba melakukan sesuatu kesalahan yang dinyatakan dalam Bahagian ini boleh, apabila disabitkan, dikenakan hukuman dan hilang kelayakan yang ditetapkan bagi kesalahan itu.

(2) Tiap-tiap kesalahan di bawah Bahagian ini ialah kesalahan boleh tangkap mengikut pengertian Kanun Tatacara Jenayah [*Akta 593*].

(3) Dalam sesuatu pendakwaan bagi sesuatu kesalahan berhubung dengan kertas penamaan, peti undi, kertas undi atau alat penanda dalam sesuatu pilihan raya, hak pemunyaan terhadap kertas penamaan, peti undi, kertas undi atau alat penanda itu, dan juga hak pemunyaan terhadap kaunterfoil mana-mana kertas undi, boleh dinyatakan sebagai ada pada pegawai pengurus dalam pilihan raya itu.

- (e) dia ialah seorang yang namanya didaftarkan di bawah Akta Pencegahan Jenayah 1959 [*Akta 297*];
- (f) dia telah, dalam tempoh lima tahun sebaik sebelum hari penamaan dalam pilihan raya itu, disabitkan atas sesuatu kesalahan di bawah subseksyen 52(3) Akta Pertubuhan 1966 [*Akta 335*], atau di bawah peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan pertubuhan yang berkuat kuasa, dalam hal sesuatu pilihan raya di Sabah dan Sarawak, di mana-mana bahagian Malaysia, dan dalam hal sesuatu pilihan raya di Semenanjung Malaysia, di mana-mana bahagian Malaysia atau Republik Singapura;
- (g) dia ialah seorang yang mengenainya suatu perintah telah dibuat di bawah subseksyen 66(4) Akta Pertubuhan 1966, atau di bawah peruntukan yang bersamaan dalam mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan pertubuhan yang berkuat kuasa, dalam hal sesuatu pilihan raya di Sabah dan Sarawak, di mana-mana bahagian Malaysia atau, dalam hal sesuatu pilihan raya di Semenanjung Malaysia, di mana-mana bahagian Malaysia atau Republik Singapura; atau
- (h) dia ialah seorang bankrap yang belum dilepaskan.

(1A) Dalam perenggan (1)(c), (f) dan (g), “bahagian Malaysia” ertinya mana-mana tempat yang menjadi sebahagian daripada Malaysia, atau yang pada tarikh sabitan atau perintah yang tersebut dalamnya itu menjadi sebahagian daripada Malaysia.

(2) Tiada pegawai, kerani, jurubahasa atau orang lain yang mempunyai apa-apa tugas untuk dilakukan menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya boleh dilantik sebagai seorang ejen pilihan raya atau bertindak sebagai seorang ejen calon dalam menjalankan atau menguruskan mana-mana pilihan raya.

Membuat pelantikan dan kontrak melalui ejen pilihan raya

14. (1) Ejen pilihan raya seseorang calon hendaklah dalam sesuatu pilihan raya—

- (a) melantik tiap-tiap ejen tempat mengundi, ejen mengira, kerani dan pengutus yang diambil kerja, sama ada dengan bayaran atau tidak, bagi pihak calon itu;

- (b) menyewa tiap-tiap bilik jawatankuasa yang disewa bagi pihak calon itu;
- (c) memberitahu ketua tempat mengundi di setiap tempat mengundi secara bertulis nama dan alamat—
 - (i) ejen atau ejen-ejen tempat mengundi yang dilantik untuk bertugas di tempat itu; dan
 - (ii) ejen atau ejen-ejen mengira yang dilantik untuk menghadiri pengiraan undi di tempat itu; dan
- (d) memberitahu pegawai pengurus bahagian pilihan raya atau kawasan pilihan raya yang berkenaan secara bertulis nama dan alamat ejen atau ejen-ejen mengira yang dilantik untuk menghadiri pengiraan undi pengundi pos dan penjumlahan rasmi undi.

(1A) Tiap-tiap ejen tempat mengundi atau ejen mengira seseorang calon yang dilantik di bawah subseksyen (1) hendaklah bertugas atau hadir di tempat mengundi atau hendaklah menghadiri pengiraan undi di tempat mengundi itu sekurang-kurangnya selama dua jam dan penggantinya hanya boleh masuk ke tempat mengundi itu apabila tamat tempoh dua jam itu.

(2) Sesuatu kontrak yang menurutnya apa-apa belanja dilakukan kerana atau berkenaan dengan perjalanan atau pengurusan sesuatu pilihan raya tidak boleh dikuatkuasakan terhadap seseorang calon dalam pilihan raya itu, melainkan jika kontrak itu dibuat oleh calon itu sendiri atau oleh ejen pilihan rayanya:

Dengan syarat bahawa ketidakbolehan di bawah seksyen ini untuk menguatkuasakan kontrak itu terhadap calon itu tidak boleh melepaskan calon itu daripada akibat apa-apa perbuatan rasuah atau apa-apa perbuatan yang menyalahi undang-undang yang dilakukan oleh ejennya.

Pembayaran belanja melalui ejen pilihan raya

15. (1) Kecuali sebagaimana yang dibenarkan oleh atau menurut Akta ini, tiada pembayaran dan tiada pendahuluan atau deposit boleh dibuat oleh seseorang calon dalam sesuatu pilihan raya, atau oleh mana-mana ejen bagi pihak calon itu, atau oleh mana-mana orang lain pada bila-bila masa, sama ada sebelum,

TAMBAHAN PERUNDANGAN PERSEKUTUAN

AKTA PILIHANRAYA 1958 [AKTA 19]

P.U. (A) 386/81

PERATURAN-PERATURAN PILIHANRAYA (PENJALANAN PILIHANRAYA) 1981

Mengandungi pindaan terkini - P.U. (A) 191/2012

Tarikh diterbitkan dalam Warta : 3 Disember 1981

Tarikh mula berkuatkuasa : 3 Disember 1981

SUSUNAN PERATURAN

Mukadimah

Peraturan 1. Nama.

Peraturan 2. Tafsiran.

Peraturan 3. Writ dan notis pilihanraya.

PENAMAAN

Peraturan 4. Kertas-kertas penamaan.

Peraturan 5. Deposit oleh calon.

Peraturan 6. Urusan pada hari penamaan.

Peraturan 6A. Menandakan sempadan dan menjaga ketenteraman di tempat penamaan.

Peraturan 7. Bantahan terhadap kertas-kertas penamaan.

Peraturan 8. Orang-orang yang berhak hadir pada masa penamaan.

Peraturan 9. Menarik balik pencalonan.

PILIHAN YANG TIDAK DIPERTANDINGKAN

Peraturan 10. Pilihanraya yang tidak dipertandingkan.

PILIHANRAYA YANG DIPERTANDINGKAN

Peraturan 11. Pilihanraya yang dipertandingkan.

Peraturan 12. Perlantikan ketua tempat mengundi.

Peraturan 12A. Perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan lain.

Peraturan 13. Kemudahan-kemudahan hendaklah di adakan ditempat mengundi.

Peraturan 14. Hak bagi pemilih berdaftar untuk mengundi.

Peraturan 14A. Naskhah sah daftar pemilih.

Peraturan 15. Kebenaran masuk ke tempat mengundi.

Peraturan 16. Menandakan sempadan kawasan tempat mengundi.

Peraturan 17. Pengundian dengan undi-rahsia dan kertas undi.

Peraturan 18. Peti-peti undi.

Peraturan 19. Cara mengundi.

Peraturan 19A. Ketidapatuhan cara mengundi

Peraturan 20. Akuan oleh pengundi-pengundi.

Peraturan 21. Kertas-kertas undi yang rosak.

Peraturan 22. [Dipotong].

Peraturan 23. Menutup pengundian.

Peraturan 23A. Tempat pengiraan undi.

Peraturan 24. Tatacara apabila pengundian ditutup.

Peraturan 24A. Pengundian semula di tempat mengundi dalam hal pemindahan yang tak sah di sisi undang-undang, kehilangan, kemusnahan, dsb., mana-mana peti undi.
Peraturan 25. Pengiraan undi oleh ketua tempat mengundi.
Peraturan 25A. Penyimpanan selamat dokumen-dokumen pilihanraya.
Peraturan 25B. Penundaan atau penangguhan pengiraan undi.
Peraturan 25C. Pengiraan undi pengundi-pengundi pos.
Peraturan 25D. Prosiding pegawai pengurus setelah peti undi dikembalikan, dan penjumlahan rasmi undi-undi.
Peraturan 25E. Pelupusan kertas-kertas undi dll.
Peraturan 25F. Pengisytiharan mengenai parti politik yang menang.
Peraturan 26. Perintah mahkamah untuk menyalin atau memeriksa dokumen-dokumen pilihanraya.
Peraturan 26A. Pembekalan salinan dan pemeriksaan dokumen berhubung dengan sesuatu pilihanraya.
Peraturan 27. Menyiarkan keputusan dan pernyataan mengenai pengundian dalam Warta.

PENGUNDIAN AWAL

Peraturan 27A. Orang yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal
Peraturan 27B. Jagaan selamat peti undi
Peraturan 27C. Pengiraan undi pengundi awal

AM

Peraturan 28. Kesilapan mengenai orang dan tempat.
Peraturan 29. Menyiarkan notis.
Peraturan 30. Tidak mematuhi peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan.
Peraturan 31. Hukuman bagi membuat akuan palsu.
Peraturan 32. Pemansuhan.

JADUAL PERTAMA

BORANG 1
BORANG 2
BORANG 2A
BORANG 3
BORANG 4
BORANG 4A
BORANG 5
BORANG 6 [Dipotong]
BORANG 6A [Dipotong]
BORANG 7 [Dipotong]
BORANG 8
BORANG 9
BORANG 10
BORANG 10A
BORANG 11
BORANG 12 [Dipotong]
BORANG 12A
BORANG 13
BORANG 14
BORANG 15
BORANG 16

Peraturan 12A. Perlantikan pegawai-pegawai dan kakitangan lain.

(1) Tertakluk kepada arahan-arahan am atau khas Suruhanjaya Pilihanraya, tiap-tiap seorang pegawai pengurus hendaklah melantik, dan boleh membatalkan perlantikan, lain-lain pegawai atau kakitangan untuk membantu ketua tempat mengundi tiap-tiap tempat mengundi bagi bahagian pilihannya.

(2) Pegawai-pegawai atau kakitangan lain itu hendaklah terletak di bawah kawalan atau arahan am ketua tempat mengundi di tiap-tiap tempat mengundi bagi bahagian pilihanraya itu.

[Mas. P.U. (A) 31/90]

Peraturan 13. Kemudahan-kemudahan hendaklah di adakan di pusat dan tempat mengundi.

(1) Suatu notis seperti dalam Borang 8 Jadual Pertama hendaklah ditampalkan oleh mana-mana ketua tempat mengundi di sebelah luar dan mudah dilihat di tiap-tiap satu tempat mengundi sebelum pengundian dimulakan.

(2) Dalam masa pengundian dijalankan ketua tempat mengundi hendaklah mempamerkan di sebelah luar tempat mengundinya suatu notis yang pada asasnya adalah mengikut bentuk yang dinyatakan dalam Jadual Kedua memberi arahan-arahan untuk panduan pengundi-pengundi dalam mengundi, yang mana hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan boleh menyebabkan dipamerkan apa-apa notis dalam apa-apa bahasa atau bahasa-bahasa lain dan dalam apa-apa tulisan yang diarahkan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

(3) Adalah menjadi kewajipan pegawai pengurus mengadakan di tiap-tiap satu tempat mengundi kemudahan-kemudahan yang berpatutan untuk membolehkan pemilih-pemilih yang diuntukkan kepada tempat mengundi itu menandakan undi-undi mereka dengan terlindung dari pandangan dan mengundi mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini, dan pegawai pengurus hendaklah menetapkan, atau boleh memberi kuasa kepada ketua tempat mengundi untuk menetapkan, cara bagaimana kemudahan-kemudahan itu hendak digunakan bagi pemilih-pemilih yang berhak mengundi dalam pilihanraya itu.

(4) Sesuatu pilihanraya tidak boleh dipersoalkan semata-mata oleh sebab peruntukan-peruntukan perenggan (3) tidak dipatuhi.

[Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 14. Hak bagi pemilih berdaftar untuk mengundi.

Daftar-daftar pemilih yang ada pada masa itu berkuatkuasa adalah menjadi keterangan prima facie bagi maksud menentukan sama ada seseorang berhak atau tidak berhak mengundi dalam sesuatu pilihanraya dalam sesuatu bahagian-pilihanraya.

Peraturan 14A. Naskhah sahif daftar pemilih.

Daftar pemilih yang dikemukakan kepada calon-calon pada hari penamaan hendaklah merupakan naskhah sahif daftar pemilih yang akan digunakan oleh pegawai pengurus dan ketua tempat mengundi suatu tempat mengundi pada hari mengundi.

[Mas. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 15. Kebenaran masuk ke tempat mengundi.

(1) Tiada seseorang boleh dibenarkan masuk mengundi di mana-mana tempat mengundi kecuali di tempat mengundi yang telah diuntukkan bahagian daftar pemilih yang mengandungi namanya:

Dengan syarat bahawa jika seseorang pemilih bagi sesuatu bahagian-pilihanraya dipertugaskan sebagai ketua tempat mengundi atau dalam apa-apa jawatan lain di suatu tempat mengundi dalam bahagian-pilihanraya tersebut dan sukar baginya hendak mengundi di tempat mengundi yang telah diuntukkan bahagian daftar pemilih yang mengandungi namanya, pegawai pengurus boleh membenarkan pemilih itu mengundi di mana-mana tempat mengundi dalam bahagian-pilihanraya itu. Kebenaran itu hendaklah diberi di bawah tandatangan pegawai pengurus dan hendaklah menyatakan nama pemilih itu, dan nombornya dalam daftar pemilih, dan juga bahawa ia adalah dipertugaskan sebagaimana tersebut di atas dan hendaklah menyatakan tempat mengundi di mana ia dibenarkan mengundi itu.

(2) [Pad. P.U.(A) 193/2011]

(2A) [Pad. P.U.(A) 193/2011]

(3) Ketua tempat mengundi hendaklah mengawal bilangan pengundi-pengundi yang hendak dibenarkan masuk pada suatu masa dalam masa pengundian dijalankan dan hendaklah mengeluarkan semua orang lain kecuali calon yang berkenaan, ejen pilihanrayanya atau ejen di tempat mengundi itu, pegawai pengurus, ahli-ahli atau pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya, orang-orang yang bertugas secara rasmi di tempat mengundi itu, mana-mana orang yang dinamakan mengikut subperaturan 19(10), atau orang-orang lain yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

[Pin. P.U. (A) 43/2012]

(4) Tidak lebih daripada seorang ejen tempat mengundi bagi tiap-tiap seorang calon boleh dibenarkan masuk pada suatu masa ke sesuatu tempat mengundi dalam masa pengundian dijalankan.

(5) Tiada seorang ejen tempat mengundi yang nama dan alamatnya tidak diberitahu kepada ketua tempat mengundi sebagaimana dikehendaki oleh seksyen kecil (1) seksyen 14 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, boleh dibenarkan masuk ke tempat mengundi dalam masa pengundian dijalankan.

(6) (a) Adalah menjadi kewajipan ketua tempat mengundi menjaga ketenteraman di tempat pengundiannya.

(b) Jika seseorang melakukan perbuatan salahlaku di sesuatu tempat mengundi atau tidak menurut perintah yang sah dari ketua tempat mengundi, orang itu boleh dengan segera, dengan perintah ketua tempat mengundi, dikeluarkan dari tempat mengundi itu oleh seorang pegawai polis yang bertugas di luar tempat mengundi itu atau dekat dengan tempat mengundi itu atau oleh sesiapa yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai pengurus atau ketua tempat mengundi untuk mengeluarkannya, dan orang yang dikeluarkan sedemikian tidak boleh, tanpa kebenaran ketua tempat mengundi, masuk semula ke tempat mengundi itu pada hari itu.

(c) Kuasa-kuasa yang diberi oleh peraturan ini tidak boleh dijalankan sehingga menghalang seorang pengundi yang dalam hal lain, berhak mengundi di suatu tempat mengundi daripada mendapat peluang mengundi di tempat mengundi itu.

(d) Tidak mematuhi perintah-perintah yang sah daripada ketua tempat mengundi adalah menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak lebih daripada satu ribu ringgit.

[Pin. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004; Pin. P.U. (A) 164/2006]

Peraturan 16. Menandakan sempadan kawasan tempat mengundi.

Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap seorang ketua tempat mengundi, tertakluk kepada arahan-arahan am Suruhanjaya Pilihanraya, menandakan sempadan kawasan tempat mengundi di mana ia dilantik untuk mengetuai.

Peraturan 17. Pengundian dengan undi-rahsia dan kertas undi.

(1) Undi-undi hendaklah diberi dengan undi-rahsia dan undi-rahsia tiap-tiap seorang pengundi hendaklah terdiri daripada sehelai kertas, yang dalam Peraturan-Peraturan ini disebut "kertas undi".

(2) Tiap-tiap kertas undi hendaklah mengandungi suatu senarai calon dalam huruf Rumi yang diperihalkan mengikut Borang 4 atau 4A, mengikut mana-mana yang berkenaan, dalam Jadual Pertama, dan disusun mengikut sebagaimana ditetapkan oleh pegawai pengurus mengikut perenggan kecil (a) perenggan (2) peraturan 11 beserta simbol yang diuntukkan kepada tiap-tiap seorang calon mengikut perenggan kecil (b) perenggan (2) peraturan 11.

(3) Tiap-tiap kertas undi hendaklah seperti dalam Borang 9 Jadual Pertama dan hendaklah boleh dilipat. Tiap-tiap satu kertas undi hendaklah mempunyai suatu nombor yang dicetak pada sudut kiri di sebelah atasnya dan hendaklah tercantum pada suatu keratan yang mempunyai nombor yang sama tercetak padanya.

[Gan. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 18. Peti-peti undi.

(1) Tiap-tiap peti undi hendaklah dibuat dengan sesuatu cara supaya kertas undi boleh dimasukkan ke dalamnya tetapi tidak boleh diambil keluar melainkan dengan membuka kunci peti itu.

(2) Ketua tempat mengundi di sesuatu tempat mengundi hendaklah, sebelum sahaja pengundian dimulakan, menunjukkan tiap-tiap satu peti undi yang hendak digunakan kepada orang-orang yang hadir secara sah di tempat mengundi itu supaya mereka boleh menyaksikan bahawa peti itu adalah kosong.

(2A) Bagi maksud perenggan (2), jika seseorang calon atau ejen pilihan rayanya atau ejen tempat mengundinya tidak hadir pada masa itu di tempat mengundi itu, calon itu atau ejen pilihan rayanya atau ejen tempat mengundinya hendaklah disifatkan tidak mempertikaikan bahawa setiap peti undi yang ditunjukkan oleh ketua tempat mengundi itu adalah kosong.

(2B) Dalam hal jika ketua tempat mengundi tidak dapat menjalankan tatacara yang disebut dalam perenggan (2) kerana tiada seorang pun yang boleh hadir secara sah di sesuatu tempat mengundi itu hadir di tempat mengundi itu, ketua tempat mengundi hendaklah memanggil mana-mana pegawai polis yang bertugas di luar tempat mengundi itu untuk hadir di tempat mengundi itu supaya dia boleh menyaksikan bahawa setiap peti undi adalah kosong.

(3) Ketua tempat mengundi—

(a) hendaklah selepas itu mengunci peti undi itu; dan

(b) hendaklah mengenakan pada peti undi itu suatu klip dan melekatkan perekat keselamatan dan perekat keselamatan itu hendaklah ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan rayanya atau ejen tempat mengundinya yang hadir dan berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu, mengikut apa-apa cara bagi mencegah peti undi itu

daripada dibuka tanpa dipecahkan klip dan perekat itu, dan peti undi itu tidak boleh dibuka lagi sehingga selepas pengundian itu ditutup.

(4) Dia hendaklah menyimpan peti itu dalam jagaannya sehingga peti itu dihantar atau dihantARSERAH kepada pegawai pengurus mengikut peruntukan Peraturan-Peraturan ini.

[Pin. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 19. Cara mengundi.

(1) Tiap-tiap seorang pengundi hendaklah diberi sehelai kertas undi dan adalah berhak kepada satu undi.

(2) Apabila setiap pengundi meminta kertas undi, nombor dan nama pengundi sebagaimana yang dinyatakan dalam daftar pemilih hendaklah diteriakkan.

(3) Jika didapati bahawa tiada tanda dibuat mengikut subperaturan (5) pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih yang menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya, ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya, hendaklah sebelum mengeluarkan suatu kertas undi kepada pengundi itu, menghendaki pengundi itu menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu.

(4) Setelah ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya berpuas hati bahawa—

(a) tiada tanda dibuat pada nombor dan nama pengundi itu dalam daftar pemilih mengikut subperaturan (5); dan

(b) tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi,

ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah membuat suatu tanda pada jari telunjuk kiri pengundi itu dengan menggunakan dakwat kekal dan seterusnya ketua tempat mengundi hendaklah mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.

(5) Sebelum kertas undi dikeluarkan kepada pengundi, suatu tanda, tanpa menunjukkan dengan apa-apa cara kertas undi tertentu yang hendak dikeluarkan kepadanya, hendaklah dibuat dalam daftar pemilih bersetentangan dengan nombor dan nama pengundi itu untuk menunjukkan bahawa suatu kertas undi telah dikeluarkan kepadanya.

(6) Kertas undi itu hendaklah ditindikkan atau dicap dengan tanda rasmi atau ditandatangani secara ringkas oleh ketua tempat mengundi di sebelah tepi kertas undi itu dan kertas undi itu hendaklah kemudiannya dikeluarkan kepada pengundi itu oleh ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya.

(7) Apabila menerima kertas undi, pengundi itu hendaklah dengan serta-merta pergi ke suatu tempat dalam tempat mengundi itu sebagaimana yang ditunjukkan oleh ketua tempat mengundi itu atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya dan di situ dia hendaklah secara rahsia menandakan kertas undi itu mengikut arahan yang diberikan bagi panduan pengundi yang disebut dalam subperaturan 13(2).

(8) Pengundi itu hendaklah kemudiannya melipat kertas undi itu untuk merahsiakan tandanya dan hendaklah memasukkan kertas undi itu ke dalam peti undi dan tanpa kelengahan tidak wajar hendaklah kemudiannya dengan serta-merta meninggalkan kawasan tempat mengundi itu.

(9) Ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya boleh bertanya kepada mana-mana pengundi sama ada pengundi itu faham cara mengundi dan jika difikirkannya patut, atas permintaan mana-mana pengundi, boleh menerangkan cara mengundi kepada pengundi itu dalam pendengaran mana-mana ejen tempat mengundi yang hadir di tempat mengundi itu; pada berbuat demikian dia hendaklah berhati-hati supaya tidak membuat apa-apa jua yang boleh ditafsirkan sebagai nasihat atau arahan untuk mengundi mana-mana calon tertentu.

(10) Atas permintaan seseorang pengundi yang tidak berdaya oleh sebab buta atau kecacatan fizikal lain untuk mengundi mengikut cara yang ditetapkan oleh Peraturan-Peraturan ini, mana-mana orang yang dipercayai dan dinamakan oleh pengundi, yang hendaklah merupakan seorang warganegara yang berumur dua puluh satu tahun atau lebih, atau jika orang yang sedemikian tidak dinamakan, ketua tempat mengundi, hendaklah menandakan kertas undi pengundi itu mengikut cara yang disuruh oleh pengundi itu dan hendaklah menyebabkan kertas undi itu dimasukkan ke dalam peti undi.

(11) Mana-mana orang yang dinamakan di bawah subperaturan (10) hendaklah membuat suatu akuan mengenai identitinya dan penamaannya dalam Borang 10 dalam Jadual Pertama dan tiap-tiap akuan itu hendaklah dikecualikan daripada duti setem.

(12) Ketua tempat mengundi boleh, pada bila-bila masa semasa pengundian sedang berjalan, mengambil apa-apa langkah yang perlu untuk memastikan bahawa tiada pengundi berlengah-lengah secara tidak wajar di mana-mana tempat yang dikhaskan bagi penandaan kertas undi.

(13) Rujukan mengenai jari telunjuk kiri pengundi dalam peraturan ini dan peraturan 19A hendaklah ditafsirkan—

(a) dalam hal jika jari telunjuk kiri pengundi tiada atau jari telunjuk kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai mana-mana jari kirinya yang lain;

(b) dalam hal jika kesemua jari kiri pengundi tiada atau kesemua jari kirinya itu tidak dapat ditandakan atas apa-apa jua sebab, sebagai rujukan mengenai jari telunjuk kanannya atau mana-mana jari kanannya yang lain; dan

(c) dalam hal jika kesemua jari kiri dan kanan pengundi tiada, sebagai rujukan mengenai bahagian hujung tangan kiri atau kanan.

[Gan. P.U. (A) 43/2012]

Peraturan 19A. Ketidakpatuhan cara mengundi

19A. (1) Jika ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa—

(a) pengundi itu enggan menunjukkan jari telunjuk kirinya supaya dapat dipastikan bahawa tiada dakwat kekal telah ditandakan pada jari telunjuk kiri pengundi itu mengikut subperaturan 19(3);

(b) pengundi itu enggan jari telunjuk kirinya ditandakan dengan dakwat kekal mengikut subperaturan 19(4); atau

(c) jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal tetapi nombor dan nama pengundi itu tidak ditandakan dalam daftar pemilih,

ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah

merekodkan keengganan pengundi itu atau hakikat bahawa jari telunjuk kiri pengundi itu telah ditandakan dengan dakwat kekal dalam akuan yang diperuntukkan dalam Borang 10A dalam Jadual Pertama, dan hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu.

(2) Jika ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya mendapati bahawa nombor dan nama pengundi dalam daftar pemilih telah ditandakan dengan tanda yang menunjukkan bahawa kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi itu tetapi jari telunjuk kiri pengundi itu tidak ditandakan dengan dakwat kekal, ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah enggan mengeluarkan kertas undi kepada pengundi itu; dan ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah merekodkan hakikat sedemikian dalam Borang 10A.

[Pin. P.U. (A) 191/2012]

(3) Ketua tempat mengundi atau mana-mana orang yang bertindak di bawah kuasanya hendaklah menandatangani akuan dalam Borang 10A di hadapan seorang saksi; dan tiap-tiap akuan itu hendaklah dikecualikan daripada duti setem.

[Mas. P.U. (A) 43/2012]

Peraturan 20. Akuan oleh pengundi-pengundi.

(1) Ketua tempat mengundi di sesuatu tempat mengundi boleh, menurut budibicaranya, menghendaki seseorang pengundi, sebelum ia diberi suatu kertas undi, memberi apa-apa keterangan mengenai dirinya yang difikirkan perlu oleh ketua tempat mengundi dan membuat serta menandatangani akuan yang dinyatakan dalam Borang 11 Jadual Pertama dan tiap-tiap akuan itu adalah dikecualikan daripada cukai setem.

(2) Jika seseorang tidak memberi keterangan itu atau enggan membuat akuan itu, ketua tempat mengundi hendaklah enggan memberi kertas undi kepadanya.

Peraturan 21. Kertas-kertas undi yang rosak.

Seseorang pengundi yang telah melakukan sesuatu dengan cara tidak sengaja ke atas undinya hingga tidak boleh digunakan sebagai kertas undi boleh mengembalikannya kepada ketua tempat mengundi dan jika ketua tempat mengundi puashati bahawa keadaan kertas undi itu disebabkan oleh perbuatan tidak sengaja ia hendaklah mengeluarkan suatu kertas undi lain bagi menggantikan kertas undi yang dikembalikan itu, dan kertas undi yang dikembalikan itu hendaklah dalam Peraturan-Peraturan ini disebut "kertas undi rosak" dan kertas undi rosak itu hendaklah segera dibatalkan oleh ketua tempat mengundi.

Peraturan 22. [Dipotong]

[Dipotong oleh P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 23. Menutup pengundian.

Tiada sesuatu kertas undi boleh dikeluarkan kepada pengundi selepas waktu yang ditetapkan bagi menutup pengundian tetapi jika pada waktu itu ada seseorang pengundi di dalam tempat mengundi itu yang kertas undi telah dikeluarkan kepadanya pengundi itu hendaklah dibenarkan mencatatkan undinya.

Peraturan 23A. Tempat pengiraan undi.

(1) Tertakluk kepada peraturan ini dan subperaturan 25B(4), undian oleh pemilih di mana-mana tempat mengundi hendaklah dikira di tempat mengundi di mana pemilih itu mengundi, mengikut tatacara yang dinyatakan dalam Peraturan-Peraturan ini.

[Pin. P.U.(A) 193/2011]

(2) Suruhanjaya Pilihanraya boleh, jika difikirkannya perlu atau suaimanfaat dalam hal keadaan mana-mana kes, melalui notis mengarahkan supaya undi-undi yang diberikan oleh pengundi-pengundi di mana-mana atau kesemua tempat mengundi dalam sesuatu bahagian pilihanraya dikira oleh ketua tempat mengundi bagi tempat mengundi itu di mana-mana tempat mengira yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

[Pin. P.U.(A) 193/2011]

(3) Notis di bawah perenggan (2) hendaklah sebagaimana yang dinyatakan dalam 12A dalam Jadual Pertama, dan Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah-

(a) sekurang-kurangnya tiga hari sebelum pengundian dimulakan-

(i) mengemukakan suatu salinan notis itu kepada Pegawai Pilihanraya Negeri dan pegawai pengurus yang bertanggungjawab bagi tempat mengundi atau tempat-tempat mengundi yang dimaksudkan oleh notis itu; dan

(ii) menyebabkan suatu salinan notis itu diberikan kepada setiap calon atau ejen pilihanrayanya; dan

(b) pada bila-bila masa sebelum pengundian dimulakan, menyebabkan suatu salinan notis itu ditampalkan di beberapa tempat yang mudah kelihatan di luar tempat mengundi atau tempat-tempat mengundi yang dimaksudkan oleh notis itu.

[Mas. P.U. (A) 147/90]

Peraturan 24. Tatacara apabila pengundian ditutup.

(1) Dengan seberapa segera yang praktik selepas pengundian ditutup ketua tempat mengundi hendaklah, di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundinya yang hadir-

(a) mendapatkan peti undi di tempat mengundi itu dan melekatkannya dengan perekat keselamatan bagi mencegah apa-apa kertas undi dimasukkan selepas itu ke dalam peti undi itu dan perekat keselamatan itu hendaklah kemudiannya ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundinya yang hadir dan berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu;

(b) menentukan bilangan kertas-kertas undi yang dikeluarkan kepada pengundi-pengundi di tempat mengundi itu, dan bilangan kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertas-kertas undi rosak;

(c) menyediakan penyata kertas undi dalam Borang 13 Jadual Pertama, yang hendaklah diperakui oleh ketua tempat mengundi dan ditandatangani oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundinya yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani; dan

(d) memasukkan—

(i) kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertaskertas undi rosak;

(ii) salinan-salinan daftar pemilih yang telah ditanda; dan

(iii) keratan-keratan kertas undi,

ke dalam satu bungkusan yang hendaklah kemudiannya dilekatkan dengan perekat keselamatan dan perekat keselamatan itu hendaklah ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundinya yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu.

(2) Dengan seberapa segera yang praktik setelah tamatnya prosiding di bawah perenggan (1), ketua tempat mengundi hendaklah membuat persiapan untuk mengira undi-undi yang diberikan di tempat mengundi yang diketuainya di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengirannya yang hadir, dan hendaklah memberitahu calon-calon, ejen-ejen pilihanraya atau ejen-ejen mengira mereka masa yang dia akan mula mengira undi-undi itu.

Dengan syarat bahawa jika Suruhanjaya Pilihanraya mengarahkan, di bawah perenggan (2) peraturan 23A, supaya undi-undi yang diberikan di tempat mengundi itu dikira di suatu tempat mengira tertentu, maka ketua tempat mengundi itu hendaklah membawa peti undi, bungkusan yang disebut dalam subperenggan (1)(d) dan penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam perenggan kecil (c) perenggan (1) ke tempat mengira tersebut.

(3) Jika orang yang sama dilantik menjadi ketua bagi lebih daripada satu tempat mengundi dalam daerah mengundi yang sama dan Suruhanjaya Pilihanraya mengarahkan supaya satu peti undi sahaja digunakan bagi semua tempat mengundi yang diketuainya, maka ketua tempat mengundi itu-

(a) boleh, di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen tempat mengundinya yang hadir-

(i) walau apa pun peruntukan perenggan kecil (a) perenggan (1), membuka semula peti undi yang dilekatkan dengan perekat keselamatan itu dengan cara supaya kertas-kertas undi yang dikeluarkan di mana-mana tempat mengundi yang berikutnya yang diketuainya boleh dimasukkan ke dalamnya tetapi tiada apa-apa jua boleh dikeluarkan daripadanya;

(ii) membuka semula bungkusan-bungkusan yang dilekatkan dengan perekat keselamatan menurut perenggan kecil (d) perenggan (1) untuk digunakan di tiap-tiap tempat mengundi yang berikutnya yang diketuainya.

(b) hendaklah hanya menjalankan prosiding yang tersebut dalam perenggan kecil (b) dan (c) perenggan (1) dan mula untuk mengira undi pada hari terakhir pengundian bagi bahagian pilihanraya itu dan setelah selesainya pengundian di tempat mengundi terakhir yang diketuainya.

[Gan. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94 ; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 24A. Pengundian semula di tempat mengundi dalam hal pemindahan yang tak sah di sisi undang-undang, kehilangan, kemusnahan, dsb., mana-mana peti undi.

(1) Jika di mana-mana pilihanraya –

(a) mana-mana peti undi yang digunakan di tempat mengundi-

(i) telah secara tidak sah di sisi undang-undang dipindahkan daripada jagaan yang sah di sisi undang-undang; atau

(ii) telah dimusnahkan, dirosakkan atau dikacauganggu, sehinggakan,

keputusan pengundian di tempat mengundi itu tidak dapat ditentukan; atau

(b) apa-apa kesalahan, luar aturan atau kecacatan dalam prosedur yang berkemungkinan akan menjejaskan keesahan pengundian yang berlaku di sesuatu tempat mengundi, pegawai pengurus hendaklah, setelah berpuas hati, dengan serta merta melaporkan perkara itu kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya.

(2) Sebaik sahaja suatu laporan di bawah perenggan (1) diterima, Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah, selepas mengambilkira semua hal-keadaan matan; sama ada-

(a) mengisytiharkan pengundian di tempat mengundi itu sebagai tak sah, menentukan suatu hari, dan menetapkan waktu, untuk mengadakan suatu pengundian semula di tempat mengundi itu dan -

(i) menyebabkan suatu notis perisytiharan dan hari serta waktu yang ditentu dan ditetapkan sedemikian itu disiarkan dalam Warta; dan

(ii) menghantar suatu salinan notis itu kepada pegawai pengurus yang akan menyebabkan notis itu disiarkan selanjutnya dalam bahagian-pilihanraya dalam mana-mana tempat itu dan mengikut apa-apa cara sebagaimana dia fikirkan perlu; atau

(b) jika dia berpuas hati bahwa keputusan pengundian semula di tempat mengundi itu tidak akan, dalam apa-apa cara, menjejaskan keputusan pilihanraya, mengeluarkan apa-apa arahan kepada pegawai pengurus sebagaimana difikirkan patut oleh Suruhanjaya Pilihanraya untuk selanjutnya menjalankan dan menyelesaikan pilihanraya itu.

(3) Peruntukan-peruntukan Peraturan-Peraturan ini hendaklah, setakat mana yang praktik, dipakai bagi tiap-tiap pengundian semula mengikut cara yang sama sebagaimana ianya dipakai bagi sesuatu pengundian asal.

[Mas. P.U. (A) 161/86; Pin. P.U. (A) 31/90]

Peraturan 25. Pengiraan undi oleh ketua tempat mengundi.

(1) Tiada ejen mengira-

(a) yang nama dan alamatnya tidak diberitahu kepada ketua tempat mengundi sebagaimana yang dikehendaki oleh seksyen 14(1) Akta Kesalahan Pilihanraya 1954; atau

(b) yang nama dan alamatnya telah diberitahu sedemikian tetapi tidak dibenarkan oleh ketua tempat mengundi untuk hadir,

boleh hadir pada masa pengiraan undi.

(1A) Tidak lebih daripada seorang ejen mengira bagi setiap calon boleh dibenarkan masuk pada sesuatu masa ke mana-mana tempat mengundi atau tempat yang ditetapkan bagi penjumlahan rasmi undi.

(2) Tiada seorang pun selain daripada-

(a) ahli-ahli dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya;

(b) pegawai pengurus, ketua tempat mengundi dan mana-mana pegawai dan kakitangan lain yang dilantik di bawah peraturan 12A;

(c) calon-calon dan ejen-ejen pilihanraya mereka dan seorang ejen mengira bagi setiap calon; dan

(d) orang yang dibenarkan secara bertulis oleh Suruhanjaya Pilihanraya. boleh hadir pada masa pengiraan undi.

(3) Sebelum ketua tempat mengundi mula mengira undi, dia atau orang-orang yang diberikuasa olehnya hendaklah, di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir-

(a) membuka peti undi; dan

(b) membandingkan bilangan kertas-kertas undi di dalam peti undi itu dengan penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam perenggan kecil (c) perenggan (1) peraturan 24 bagi memastikan bahawa semua kertas undi diambil kira.

(4) Jika, dalam membandingkan bilangan kertas-kertas undi dengan penyata dalam Borang 13 yang disebut terdahulu, didapati bahawa bilangan kertas-kertas undi di dalam peti undi itu melebihi bilangan yang dinyatakan sebagai berada di dalamnya mengikut penyata tersebut, tatacara yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga hendaklah dipakai.

(5) Ketua tempat mengundi semasa menjalankan tatacara yang diperihalkan dalam Jadual Ketiga hendaklah mengambil segala langkah berjaga-jaga yang wajar bagi mencegah mana-mana orang yang tidak mengangkat sumpah kerahsiaan sebagaimana ditetapkan oleh seksyen kecil (1) seksyen 5 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954, dari melihat nombor-nombor yang tercetak atas kertas-kertas undi itu.

(6) Ketua tempat mengundi atau orang-orang yang diberikuasa olehnya hendaklah kemudiannya mula mengira kertas-kertas undi itu mengikut undi yang didapati bagi tiap-tiap seorang calon dan hendaklah mencatat perkataan "ditolak" atas mana-mana kertas undi yang ditolaknya sebagai tak sah.

(7) Ketua tempat mengundi hendaklah menolak sebagai tak sah kertas-kertas undi yang berikut sahaja, iaitu, mana-mana kertas undi –

(a) yang tidak dicap atau ditindik dengan tanda rasmi, atau tidak ditandatangani secara ringkas oleh ketua tempat mengundi;

(b) yang padanya undi diberi kepada lebih daripada seorang calon;

(c) yang padanya ada sesuatu ditulis atau ditanda yang membolehkan pengundi itu dikenali;

(d) yang tidak bertanda atau yang ditanda lain daripada tempat atau cara yang diperuntukkan; atau

(e) yang tidak menunjukkan dengan jelas tujuan pengundi itu:

Dengan syarat bahawa jika seseorang ketua tempat mengundi berpuashati bahawa sesuatu kertas undi telah dikeluarkan kepada pengundi dalam suatu keadaan yang akan menjadikannya tak sah di bawah peraturan ini oleh sebab sesuatu perbuatan atau ketinggalan olehnya atau oleh seseorang yang bertugas di bawah kuasanya, dan jika tidak kerana itu kertas undi itu adalah sah, ketua tempat mengundi itu tidak boleh menolak kertas undi itu.

(8) Walau apa pun peruntukan perenggan kecil (d) perenggan (7), jika ketua tempat mengundi berpuashati bahawa sesuatu tanda yang dibuat pada sesuatu kertas undi adalah menunjukkan dengan jelas pengundi itu dan calon yang diundinya, ketua tempat mengundi tidak boleh menolak kertas undi itu semata-mata atas alasan bahawa kertas undi itu telah tidak ditanda dalam segala aspek mengikut arahan-arahan yang diberi bagi panduan pengundi-pengundi di bawah Peraturan-Peraturan ini.

(9) Sebelum menolak sesuatu kertas undi ketua tempat mengundi hendaklah menunjukkan kepada tiap-tiap seorang calon, ejen pilihanraya atau ejen mengiranya, jika hadir, dan menimbangkan pendapat mereka mengenainya.

(10) Keputusan ketua tempat mengundi, sama ada atau tidak sesuatu kertas undi hendak ditolak, adalah muktamad.

(11) [Dipotong oleh P.U. (A) 67/2004]

(12) Tertakluk kepada perenggan (13), ketua tempat mengundi hendaklah, dengan serta-merta setelah selesai mengira undi-undi-

(a) mengumumkannya kepada setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir bilangan undi yang diberikan bagi tiap-tiap seorang calon;

(b) menyediakan bilangan salinan yang mencukupi penyata pengundian dalam Borang 14 Jadual Pertama, yang hendaklah diperakui oleh ketua tempat mengundi dan ditandatangani oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir dan berhasrat untuk menandatangani penyata pengundian itu, seperti berikut-

(i) satu salinan, bagi pegawai pengurus, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul khas yang dibekalkan bagi maksud itu, dilekatkan dengan perekat keselamatan yang hendaklah ditandatangani oleh ketua tempat mengundi; dan

(ii) satu salinan hendaklah diserahkan kepada tiap-tiap seorang calon atau ejen pilihanraya atau ejen mengira mereka yang hadir;

(c) memberitahu pegawai pengurus, dengan apa-apa cara yang ada padanya, keputusan pengiraan undi-undi di tempat mengundinya.

(13) Jika perbezaan antara bilangan undian oleh pemilih bagi calon yang terbanyak dengan bilangan undi kedua terbanyak ialah empat peratus atau kurang daripada jumlah bilangan undian oleh pemilih, maka atas permintaan mana-mana satu calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya suatu pengiraan semula hendaklah dibuat sekali sahaja sebelum ketua tempat mengundi menjalankan urusan yang dinyatakan dalam subperaturan (12):

[Pin. P.U.(A) 193/2011]

Dengan syarat bahawa pengiraan semula itu tidak boleh mengambil kira kertas undi ditolak dan kertas undi rosak.

(14) Ketua tempat mengundi boleh menurut budi bicaranya memerintahkan suatu pengiraan semula bagi memuaskan hatinya tentang betulnya keputusan pengundian itu.

[Gan. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Mas. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004; Pin.P.U. (A) 164/2006]

Peraturan 25A. Penyimpanan selamat dokumen-dokumen pilihanraya.

(1) Setelah sahaja selesai mengira undi-undi, ketua tempat mengundi hendaklah, di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir-

(a) memasukkan kertas-kertas undi yang dikira dan kertaskertas undi yang ditolak ke dalam satu bungkusan yang hendaklah dilekatkan dengan perakat keselamatan dan perakat keselamatan itu hendaklah ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang berhasrat menandatangani perakat keselamatan itu;

(b) memasukkan penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam peraturan 24(1)(c) ke dalam suatu sampul khas dan melekatkan perakat keselamatan pada sampul itu.

(2) Bungkusan yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan peraturan 24(1)(d)—

(a) hendaklah dimasukkan ke dalam peti undi yang hendaklah dilekatkan dengan perakat keselamatan supaya tiada apa-apa boleh dimasukkan ke dalam atau dikeluarkan daripada peti undi itu tanpa memecahkan perakat keselamatan itu; dan

(b) perakat keselamatan itu hendaklah kemudiannya ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani perakat keselamatan itu.

(3) Ketua tempat mengundi hendaklah menghantarkan atau menghantarserahkan mengikut apa-apa cara yang ditentukan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya-

[Pin. P.U.(A) 193/2011]

(a) peti undi;

(b) sampul khas yang mengandungi penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam perenggan (1) (b); dan

(c) sampul khas yang mengandungi penyata dalam Borang 14 yang tersebut dalam peraturan 25 (12) (b),

dalam jagaan selamat kepada pegawai pengurus.

[Gan. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 25B. Penundaan atau penangguhan pengiraan undi.

(1) Jika pada bila-bila masa selepas pengundian ditutup, kerana apa-apa sebab juapun, pengiraan undi di tempat mengundi tidak dapat dimulakan atau telah dimulakan tetapi tidak dapat diselesaikan, ketua tempat mengundi hendaklah menunda atau menangguhkan pengiraan tersebut, mengikut mana yang berkenaan, dan dengan serta-merta memberitahu pegawai pengurus bahagian pilihanraya itu, dan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya tentang fakta itu.

(2) Jika peti undi masih belum dibuka, ketua tempat mengundi hendaklah dengan serta-merta menghantarkan atau menghantarserahkan peti undi itu beserta dengan penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam perenggan kecil (c) perenggan (1) peraturan 24 dan bungkusan-bungkusan yang tersebut dalam perenggan kecil (d) perenggan (1) peraturan 24 dalam jagaan selamat kepada pegawai pengurus.

(3) Jika peti undi sudah dibuka, ketua tempat mengundi hendaklah, di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir-

(a) memasukkan semula semua kertas undi ke dalam peti undi, dilekatkan dengan perekat keselamatan yang hendaklah ditandatangani oleh ketua tempat mengundi dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu; dan

(b) dengan serta-merta menghantarkan atau menghantarserahkan peti undi itu beserta dengan penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam perenggan kecil (c) perenggan (1) peraturan 24 dan bungkusan-bungkusan yang tersebut dalam perenggan kecil (d) perenggan (1) peraturan 24 dalam jagaan selamat kepada pegawai pengurus.

(4) Jika pengiraan undi telah ditunda atau ditangguhkan di bawah peraturan ini, pegawai pengurus hendaklah, selepas berunding dengan Pegawai Pilihanraya Negeri, menetapkan suatu masa dan tempat di mana ketua tempat mengundi akan mengira undi-undi itu, dan hendaklah memberitahu setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya akan masa dan tempat tersebut.

[Mas. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004; Pin. P.U. (A) 164/2006]

Peraturan 25C. Pengiraan undi pengundi-pengundi pos.

(1) Pegawai pengurus hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik setelah selaesainya prosiding di bawah peraturan 17 Peraturan-Peraturan Pilihanraya (Pengundian Pos), membuat persiapan untuk mengira undi pengundi-pengundi pos di hadapan setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir, dan hendaklah memberitahu calon itu atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya mengenai masa dan tempat di mana dia akan mula mengira undi-undi tersebut.

(2) Peruntukan-peruntukan peraturan 25, selain daripada perenggan 3(b), 4 dan (5), hendaklah terpakai berhubungan dengan pengiraan undi pengundi-pengundi pos seolah-olah-

(a) sebutan mengenai ketua tempat mengundi adalah sebutan mengenai pegawai pengurus;

(b) sebutan mengenai pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dilantik di bawah peraturan 12A adalah sebutan mengenai pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan yang dilantik di bawah peraturan 25D;

(c) sebutan mengenai kertas-kertas undi adalah sebutan mengenai kertas-kertas undi pos; dan

(d) sebutan mengenai Borang 14 adalah sebutan mengenai Borang 15.

(3) Setelah sahaja selesai mengira undi pengundi-pengundi pos, pegawai pengurus hendaklah memasukkan kertas-kertas undi yang dikira dan kertas-kertas undi yang ditolak ke dalam bungkusan-bungkusan yang berasingan, dilekatkan dengan perekat keselamatan yang hendaklah ditandatangani oleh pegawai pengurus dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu.

(4) Bungkusan-bungkusan yang mengandungi kertas-kertas undi yang dikira, kertas-kertas undi ditolak dan bungkusan-bungkusan yang disebut dalam peraturan 16 dan 17 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) hendaklah dimasukkan ke dalam peti undi, dilekatkan dengan perekat keselamatan yang hendaklah ditandatangani oleh pegawai pengurus dan oleh setiap calon atau ejen pilihan raya atau ejen mengiranya yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu.

[Mas. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 25D. Prosiding pegawai pengurus setelah peti undi dikembalikan, dan penjumlahan rasmi undi-undi.

(1) Tertakluk kepada arahan-arahan am dan khas Suruhajaya Pilihanraya, tiap-tiap seorang pegawai pengurus hendaklah melantik, dan boleh membatalkan perlantikan, mana-mana pegawai dan kakitangan untuk membantunya dalam pengiraan undi pengundi-pengundi pos dan penjumlahan rasmi undi-undi.

(2) Setelah pegawai pengurus selesai mengira undi pengundi-pengundi pos bagi bahagian pilihanrayanya, pegawai pengurus hendaklah membuat persiapan bagi penjumlahan rasmi undi-undi, dan hendaklah memberitahu calon-calon atau ejen-ejen pilihanraya mereka akan masa dan tempat di mana dia akan mula menjumlahkan bilangan undi-undi yang telah diberi kepada tiap-tiap seorang calon.

(3) Tiada seorang pun selain daripada-

(a) ahli-ahli dan pegawai-pegawai Suruhanjaya Pilihanraya;

(b) pegawai pengurus dan mana-mana pegawai dan kakitangan lain yang dilantik di bawah perenggan (1); dan

(c) calon-calon dan ejen-ejen pilihanraya mereka,

boleh hadir pada masa penjumlahan rasmi undi-undi, melainkan dibenarkan oleh pegawai pengurus untuk hadir.

(4) Pada tempat yang ditetapkan bagi penjumlahan rasmi undi-undi, pegawai pengurus hendaklah, di hadapan calon-calon dan ejen-ejen pilihanraya mereka yang hadir, hendaklah-

(a) membuka sampul surat khas yang mengandungi penyata rasmi pengundian pos; dan

(b) apabila menerima sampul khas yang mengandungi penyata rasmi pengundian yang dihantar atau dihantarserah kepadanya oleh tiap-tiap seorang ketua tempat mengundi, membuka sampul surat tersebut dan memeriksa penyata pengundian yang terkandung di dalamnya, dan tertakluk kepada perenggan (4A) mengumumkan jumlah undi yang direkodkan bagi tiap-tiap seorang calon dalam penyata pengundian yang terkandung di dalam sampul surat tersebut.

(4A) Jika, di atas pemeriksaan penyata pengundian di bawah perenggan 4(b), pegawai pengurus dapati bahawa penyata itu tidak lengkap atau terdapat suatu kesalahan atau kesilapan di dalam penyata itu, pegawai pengurus, di hadapan orang-orang yang tersebut dalam perenggan (4) yang hadir, hendaklah-

(a) membuka sampul khas yang mengandungi penyata kertas undi yang telah dihantar atau dihantarserah kepadanya dan membandingkan penyata rasmi pengundian dengan penyata kertas undi yang terkandung dalam sampul berkenaan; dan

(b) jika perlu, meminda penyata rasmi pengundian dan tiap-tiap pindaan itu hendaklah ditandatangani ringkas oleh pegawai pengurus dan oleh calon-calon atau ejen-ejen pilihanraya mereka yang hadir dan berkehendak menandatangani ringkas pindaan tersebut.

(5) Setelah pegawai pengurus menerima penyata rasmi pengundian daripada ketua-ketua tempat mengundi bagi semua tempat mengundi dalam bahagian pilihanrayanya, pegawai pengurus itu hendaklah, di hadapan orang-orang yang tersebut dalam perenggan (4) yang hadir, menentukan

jumlah undi yang diberikan bagi tiap-tiap seorang calon dengan menjumlahkan secara rasmi bilangan undi-undi yang direkodkan bagi tiap-tiap seorang calon dalam penyata-penyata tersebut dan dalam penyata rasmi pengundian pos.

(5A) Seseorang calon atau ejen pilihanraya boleh, selepas selesai penjumlahan rasmi undi-undi, menghendaki pegawai pengurus menjumlahkan semua bilangan undi-undi yang direkodkan dalam penyata rasmi pengundian tetapi pegawai pengurus boleh menolak berbuat demikian jika pada pendapatnya permintaan itu adalah tidak munasabah.

(5B) [Dipotong oleh P.U. (A) 164/2006]

(6) Jika, pada penjumlahan rasmi undi-undi, terdapat bilangan undi yang sama banyaknya antara calon-calon dan tambahan satu undi akan menghakkan mana-mana calon diisytiharkan sebagai dipilih, maka penentuan calon yang kepadanya satu undi tambahan itu disifatkan sebagai telah diberi hendaklah dibuat dengan cara cabutan undi di hadapan pegawai pengurus, calon-calon dan ejen-ejen pilihanraya mereka yang hadir mengikut cara yang ditentukan oleh pegawai pengurus.

(7) Dengan serta-merta selepas penjumlahan rasmi undi-undi, pegawai pengurus hendaklah mengisytiharkan calon yang mendapat bilangan undi yang terbanyak sebagai telah dipilih.

(8) Maka hendaklah menjadi kewajipan pegawai pengurus untuk menjaga ketenteraman di tempat yang ditetapkan bagi penjumlahan rasmi undi.

(9) Jika seseorang melakukan salah laku di tempat yang ditetapkan bagi penjumlahan rasmi undi atau tidak menurut perintah yang sah daripada pegawai pengurus, dia boleh dengan serta-merta dengan perintah pegawai pengurus dikeluarkan dari tempat itu oleh pegawai polis yang bertugas di luar atau dekat dengan tempat itu atau oleh mana-mana orang lain yang diberi kuasa secara bertulis oleh pegawai pengurus untuk mengeluarkannya, dan orang yang dikeluarkan sedemikian tidak boleh, tanpa kebenaran pegawai pengurus itu, masuk semula ke tempat yang ditetapkan bagi penjumlahan rasmi undi itu sehingga selesai penjumlahan undi.

(10) Kegagalan mematuhi perintah yang sah daripada pegawai pengurus menjadi suatu kesalahan yang boleh dihukum dengan denda tidak melebihi tiga ribu ringgit.

[Mas. P.U. (A) 147/90; Mas. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 25E. Pelupusan kertas-kertas undi dll.

(1) Apabila selesai sahaja penjumlahan rasmi undi dan selepas membuat perisytiharannya di bawah peraturan 25D(7), pegawai pengurus hendaklah—

(a) membuka semua peti undi yang dilekatkan dengan perekat keselamatan menurut peraturan 25A (2);

(b) memindahkan semua bungkusan yang dilekatkan dengan perekat keselamatan yang terkandung dalam peti undi selain bungkusan yang mengandungi—

(i) kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertaskertas undi rosak;

(ii) salinan-salinan daftar pemilih yang telah ditandakan; dan

(iii) keratan-keratan kertas undi,

yang disebut dalam peraturan 24(1)(d) ke dalam peti atau peti-peti khas;

(c) melekatkan perekat keselamatan pada peti atau peti-peti khas itu dan menandatangani setiap perekat itu; dan

(d) tertakluk kepada peraturan 26, menyimpan peti atau peti-peti khas itu dan kandungan peti atau peti-peti itu dalam jagaan selamat sehingga tamat tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan petisyen pilihan raya di bawah subseksyen 38(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan selepas itu hendaklah menyebabkan supaya kandungan peti atau peti-peti khas itu dimusnahkan melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

(2) Pegawai pengurus hendaklah kemudiannya menghantar-

(a) bungkusan yang dilekatkan dengan perekat keselamatan yang mengandungi kertas-kertas undi yang tidak digunakan dan kertas-kertas undi rosak, salinan-salinan daftar pemilih yang telah ditandakan dan keratan-keratan kertas undi yang disebut dalam peraturan 24(1)(d);

(b) penyata pengundian dalam Borang 14 yang tersebut dalam peraturan 25(12) (b); dan

(c) sampul yang mengandungi penyata dalam Borang 13 yang tersebut dalam peraturan 25A (1) (b),

kepada Pegawai Pilihanraya Negeri yang hendaklah, tertakluk kepada peraturan 26, menyimpannya dalam jagaan sehingga tamat tempoh yang ditetapkan untuk mengemukakan petisyen pilihan raya di bawah subseksyen 38(1) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan selepas itu hendaklah menyebabkannya dimusnahkan melainkan jika diarahkan sebaliknya oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

(3) Walau apa pun perenggan (1)(d) dan subperaturan (2), tiada—

(a) kandungan peti atau peti-peti khas itu; dan

(b) bungkusan, penyata dan sampul,

boleh dimusnahkan jika suatu petisyen pilihan raya telah dikemukakan terhadap keputusan pilihan raya yang melibatkan peti atau peti-peti khas itu dan kandungan peti atau peti-peti khas itu atau bungkusan, penyata dan sampul itu.

(4) Peti atau peti-peti khas dan kandungan peti atau peti-peti khas itu dan bungkusan, penyata dan sampul itu hendaklah disimpan dalam jagaan selamat pegawai pengurus atau Pegawai Pilihan Raya Negeri, mengikut mana-mana yang berkenaan, sehingga selesai perbicaraan petisyen pilihan raya itu.

[Mas. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 176/94; Pin. P.U. (A) 67/2004; Pin. P.U. (A) 164/2006; Pin. P.U. (A) 164/2006]

Peraturan 25F. Pengisytiharan mengenai parti politik yang menang.

Selepas selesai penjumlahan rasmi dan pembuatan perisytiharan di bawah perenggan (7) peraturan 25D berkenaan dengan semua pilihan raya yang dipertandingkan dalam pilihan raya umum bagi Dewan Rakyat atau sesuatu Dewan Undangan Negeri, Suruhanjaya Pilihan Raya boleh membuat pengisytiharan bahawa sesuatu parti politik yang telah menamakan calon untuk bertanding dalam pilihan raya umum itu telah memenangi pilihan raya ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, jika parti politik itu telah memperolehi suatu majoriti melebihi lima puluh peratus daripada jumlah kerusi yang diperuntukkan bagi pemilihan ke Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri itu.

[Mas. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 26. Perintah mahkamah untuk menyalin atau memeriksa dokumen-dokumen pilihanraya.

Hakim Mahkamah Tinggi boleh membuat suatu perintah bahawa mana-mana kertas undi atau mana-mana dokumen lain berhubung dengan pilihanraya yang telah disimpan dalam jagaan selamat sebagaimana dikehendaki oleh peraturan 25E diperiksa, disalin atau dikemukakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkannya munasabah, tetapi tiada suatu perintah itu boleh dibuat melainkan jika Hakim itu berpuashati bahawa pemeriksaan, penyalinan atau pengemukakan itu adalah dikehendaki bagi maksud membawa atau meneruskan sesuatu dakwaan sesuatu petisyen pilihanraya berhubung dengan pilihanraya itu dan kecuali sebagaimana tersebut di atas dan sebagaimana diperuntukkan dalam Jadual Ketiga, tiada seorang boleh dibenarkan memeriksa, menyalin atau mengemukakan mana-mana kertas undi atau dokumen itu setelah ia dipindahkan ke dalam peti atau peti-peti khas menurut perenggan (1) peraturan 25E.

[Pin. P.U. (A) 147/90]

Peraturan 26A. Pembekalan salinan dan pemeriksaan dokumen berhubung dengan sesuatu pilihanraya.

(1) Jika sesuatu petisyen pilihanraya telah dikemukakan kepada Mahkamah Tinggi di bawah seksyen 34 Akta Kesalahan Pilihanraya 1954 [Akta 5]-

(a) sipetisyen;

(b) responden kepada petisyen; atau

(c) seorang peguam yang diberikuasa secara bertulis oleh sipetisyen atau responden untuk bertindak bagi sipetisyen atau responden, mengikut mana yang berkenaan, dalam prosiding berhubung dengan petisyen pilihanraya,

boleh memohon secara bertulis kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya supaya dibekalkan dengan suatu salinan suatu dokumen atau sebahagian daripada suatu dokumen, atau untuk memeriksa suatu dokumen atau suatu bahagian daripada suatu dokumen, berhubung dengan pilihanraya bagi bahagian-pilihanraya yang berkenaan dengannya petisyen pilihanraya itu telah dikemukakan, kecuali suatu kertas undi (sama ada telah digunakan, tidak digunakan atau rosak), atau suatu keratan apa-apa kertas itu, atau suatu salinan daftar pemilih yang ditandakan, atau perkiraan mengenai kertas undi, atau suatu perisytiharan identiti, atau suatu contoh kertas undi, atau suatu kebenaran untuk mengundi di tempat mengundi pilihan, atau suatu rekod pentadbiran mengenai jumlah undi yang diperolehi bagi tiap-tiap satu calon oleh tiap-tiap satu kumpulan mengira di suatu tempat mengira atau tempat mengundi, atau suatu rekod undi bagi tiap-tiap satu jam, atau mana-mana dokumen yang tersebut dalam perenggan kecil (c) dan (d) perenggan (1) peraturan 24, perenggan (1) peraturan 25A, perenggan (4) peraturan 25C atau peraturan 25E, tidak kira sama ada atau tidak dokumen itu yang termasuk dalam pengecualian ini, telah dilekatkan dengan perekat keselamatan atau dimasukkan ke dalam suatu bungkus yang dilekatkan dengan perekat keselamatan.

(2) Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya boleh membenarkan suatu permohonan di bawah perenggan (1) tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dia boleh nyatakan, jika dia boleh berpuas hati bahawa dokumen yang berkenaan dengannya permohonan itu dibuat berkaitan dengan pilihanraya bagi bahagian-pilihanraya yang berkenaan dengannya petisyen pilihanraya telah dikemukakan dan bahawa dokumen itu tidak termasuk dalam mana-mana pengecualian yang ditetapkan dalam perenggan (1).

(3) Jika suatu permohonan telah dibenarkan di bawah perenggan (2), pemohon hendaklah dibenarkan supaya memeriksa dokumen atau bahagian daripada dokumen, atau dibekalkan dengan salinannya yang diperakui sebagai salinan benar di bawah tandatangan seseorang pegawai Suruhanjaya Pilihanraya yang diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya atas pembayaran suatu fee sebanyak dua ringgit satu folio mengandungi seratus perkataan atau bahagian daripadanya.

(4) Peruntukan-peruntukan terdahulu peraturan ini tidak boleh menyentuh peruntukan-peruntukan peraturan 26.

[Mas. P.U. (A) 161/86; Pin. P.U. (A) 147/90; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 27. Menyiarkan keputusan dan pernyataan mengenai pengundian dalam Warta.

Pegawai pengurus hendaklah dengan serta-merta selepas membuat pengisytiharannya di bawah perenggan (7) peraturan 25D, mengisi dengan sempurna sebelah belakang writ yang dikeluarkan kepadanya di bawah perenggan (1) peraturan 3. Pada masa itu juga pegawai pengurus hendaklah menyusun suatu penyata mengenai pengundian itu dalam Borang 16 Jadual Pertama dan hendaklah menghantar kedua-dua writ dan penyata itu kepada Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya melalui Pegawai Pilihanraya Negeri. Setiausaha Suruhanjaya Pilihanraya hendaklah menyebabkan nama ahli yang dipilih beserta penyata mengenai pengundian itu, disiarkan dalam Warta.

[Pin. P.U. (A) 147/90]

Peraturan 27A. Orang yang dikehendaki mengundi sebagai pengundi awal

27A. (1) Mana-mana orang yang telah mendaftarkan diri sebagai seorang pemilih Parlimen atau Negeri di bawah Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002 dan ialah-

(a) seorang yang disebut dalam perenggan (a) dalam takrif “pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;

(b) seorang yang disebut dalam perenggan (b) dalam takrif “pengundi tidak hadir” dalam peraturan 2 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pendaftaran Pemilih) 2002;

(c) seorang anggota mana-mana pasukan polis yang ditubuhkan oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Malaysia, selain anggota Pasukan Polis Sukarelawan Simpanan; atau

(d) isteri atau suami kepada seorang pegawai polis yang berkhidmat dengan Pasukan Gerakan Am,

hendaklah mengundi sebagai pengundi awal pada sesuatu pilihan raya mengikut tatacara pengundian yang diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan ini.

(2) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (c) yang tidak boleh mengundi pada hari mengundi awal boleh memohon untuk mengundi sebagai pengundi pos mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003.

(3) Orang yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (c) yang telah diluluskan permohonannya untuk mengundi sebagai pengundi pos mengikut Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 2003 tidak berhak untuk mengundi pada hari mengundi awal.

[Mas. P.U. (A) 113/2012]

Peraturan 27B. Jagaan selamat peti undi

27B. Peti undi yang mengandungi kertas undi awal setelah selesai urusan pengundian awal hendaklah disimpan dalam jagaan selamat pegawai pengurus bahagian pilihan raya yang dalamnya pilihan raya itu dipertandingkan atau mengikut apa-apa perkiraan yang diluluskan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya sehinggalah pengiraan undi pengundi awal pada hari mengundi.

[Mas. P.U. (A) 113/2012]

Peraturan 27C. Pengiraan undi pengundi awal

27C. Semua peruntukan berhubung dengan pengiraan undi dalam Peraturan-Peraturan ini kecuali peraturan 25C hendaklah terpakai bagi pengiraan undi pengundi awal.

[Mas. P.U. (A) 113/2012]

Peraturan 28. Kesilapan mengenai orang dan tempat.

(1) Tiada kesilapan mengenai –

(a) nama mana-mana orang atau tempat; atau

(b) apa-apa butir, atau apa-apa perihal, mengenai, atau berkenaan dengan mana-mana orang atau tempat,

yang disebut dalam mana-mana dokumen yang disedia, dikeluarkan atau digunakan di bawah atau bagi maksud-maksud Peraturan-Peraturan ini boleh dalam apa jua cara pun menjejaskan keesahan dokumen itu atau perjalanan kuatkuasa Peraturan-Peraturan ini berkenaan dengan orang atau tempat tersebut selainnya mencukupi untuk mengenalpasti orang atau tempat itu.

(2) Dalam peraturan ini-

"butir-butir" dan "perihal" termasuklah apa-apa yang dinyatakan atau yang dikehendaki untuk dinyatakan berkenaan dengan mana-mana orang atau tempat dalam mana-mana dokumen;

"dokumen" termasuklah apa-apa writ, laporan, laporpilihan, senarai, borang, notis, pemberitahuan, kertas penamaan, akuan berkanun atau lain-lain akuan, dan apa-apa dokumen daripada apa-apa perihal atau jenis lain; dan

"kesilapan" termasuk apa-apa salah nama, salah eja, salah cetak, salah letak kesilapan, tidak tepat, peninggalan, apa-apa kesilapan perkeranian, teknik atau percetakan, dan apa-apa kesilapan daripada apa-apa perihal atau jenis lain.

(3) Setakat mana peruntukan ini terpakai kepada suatu kertas penamaan, peruntukan-peruntukan peraturan ini hendaklah diertikan sebagai tambahan bagi, dan bagi meluaskan dan tidak mengurangkan, peruntukan-peruntukan peraturan 4(6A).

[Mas. P.U. (A) 161/86; Pin. P.U. (A) 67/2004]

Peraturan 29. Menyiarkan notis.

Jika sesuatu notis dikehendaki oleh Peraturan-Peraturan ini disiarkan dan, pada pendapat pihak berkuasa yang dikehendaki menyiarkan notis itu, cara penyiaran yang ditetapkan tidak memberi penyerantaan yang mencukupi akan notis itu, pihak berkuasa itu boleh, selain daripada menyiarkan

P.U. (A) 185.

AKTA PILIHAN RAYA 1958

**PERATURAN-PERATURAN PILIHAN RAYA
(PENGUNDIAN POS) 2003**

—————
SUSUNAN PERATURAN
—————

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Peraturan

1. Nama, permulaan kuat kuasa dan pemakaian
2. Tafsiran

BAHAGIAN II

PENGUNDI POS

3. Orang yang berhak untuk mengundi sebagai pengundi pos
4. Bentuk kertas undi pos

BAHAGIAN III

PENGELUARAN KERTAS UNDI

Peraturan

5. Orang yang berhak hadir pada masa pengeluaran kertas undi pos dan pembukaan peti undi pengundi pos
6. Notis tentang pengeluaran kertas undi pos
7. Penandaan kertas undi pos
8. Dokumen yang hendaklah dihantar kepada pengundi pos
9. Penghantaran kertas undi pos
10. Pengadaan peti undi pengundi pos
11. Pengelakan senarai pengundi pos dan kaunterfoil kertas undi
12. Penggunaan undi pos
13. Penerimaan sampul iringan

BAHAGIAN IV

PEMBUKAAN PETI UNDI PENGUNDI POS

14. Membuka peti undi pengundi pos
15. Membuka sampul iringan
16. Pengelakan undi yang ditolak dan Borang 2
17. Membuka sampul A

BAHAGIAN V

AM

18. Tatacara apabila didapati ada lebih daripada satu kertas undi
19. Pengundi pos tidak boleh hadir untuk mengundi
20. Pembatalan

JADUAL

Notis tentang pengeluaran kertas undi pos

6. (1) Pegawai pengurus hendaklah memberi setiap calon atau ejen pilihan rayanya tidak kurang daripada dua puluh empat jam notis bertulis tentang masa dan tempat yang pegawai pengurus akan mengeluarkan kertas undi pos.

(2) Jika apa-apa pengeluaran kemudian kertas undi pos akan dibuat, pegawai pengurus hendaklah memberitahu setiap calon atau ejen pilihan rayanya tentang masa dan tempat yang pegawai pengurus akan membuat pengeluaran kemudian itu dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan.

Penandaan kertas undi pos

7. (1) Setiap kertas undi pos yang dikeluarkan hendaklah ditindik atau dicapkan dengan tanda rasmi atau ditandatangani ringkas oleh pegawai pengurus, dan nama dan nombor pemilih hendaklah diteriakkan.

[Pindaan P.U.(A) 165/2006; P.U.(A) 10/2013]

(2) Suatu senarai hendaklah dibuat tentang orang yang kepadanya kertas undi pos itu telah dihantar tetapi tanpa menunjukkan kertas undi tertentu yang telah dikeluarkan.

(3) Nombor kertas undi pos hendaklah ditandakan dalam Borang 2 dan pada sampul A.

Dokumen yang hendaklah dihantar kepada pengundi pos

8. Pegawai pengurus hendaklah menghantar kepada tiap-tiap pengundi pos dokumen yang berikut:

- (a) kertas undi;
- (b) Borang 2;
- (c) sampul A; dan
- (d) sampul B.

Pengantaran kertas undi pos

9. Segala sampul yang dialamatkan kepada pengundi pos hendaklah dikira dan dengan serta-merta dihantar mengikut perkiraan yang diluluskan terlebih dahulu oleh Suruhanjaya Pilihan Raya.

Pengadaan peti undi pengundi pos

10. (1) Pegawai pengurus hendaklah, semasa prosiding pengeluaran asal kertas undi pos, mengadakan suatu peti undi atau peti-peti undi bagi penerimaan sampul B apabila dikembalikan oleh pengundi pos.

(2) Tiap-tiap peti undi itu hendaklah ditunjukkan sebagai terbuka dan kosong kepada ejen yang hadir dan hendaklah kemudiannya dikunci oleh pegawai pengurus dan dilekatkan dengan perekat keselamatan dan ditandatangani oleh pegawai pengurus dan ejen yang hadir dan yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu.

(3) Tiap-tiap peti undi itu hendaklah dinomborkan dan ditandakan “peti undi pengundi pos” dan dengan nama bahagian pilihan raya yang baginya pilihan raya itu diadakan.

(4) Pegawai pengurus hendaklah membuat perkiraan bagi penyimpanan selamat tiap-tiap peti undi itu.

Pengelakan senarai pengundi pos dan kaunterfoil kertas undi

11. (1) Pegawai pengurus hendaklah, dengan seberapa cepat yang dapat dilaksanakan selepas selesai pengeluaran kertas undi pos, dan di hadapan ejen, memasukkan ke dalam bungkusan yang berasingan—

(a) senarai pengundi pos; dan

(b) kaunterfoil kertas undi yang telah dikeluarkan,

dan hendaklah melekatkan perekat keselamatan pada bungkusan-bungkusan itu.

(2) Bungkusan yang telah dilekatkan dengan perekat keselamatan yang mengandungi senarai pengundi pos boleh dibuka oleh pegawai pengurus bagi maksud pengeluaran yang kemudian, dan setelah selesai pengeluaran yang kemudian itu, senarai itu dan kaunterfoil kertas undi yang telah dikeluarkan itu hendaklah sekali lagi dimasukkan ke dalam bungkusan yang berasingan dan dilekatkan dengan perekat keselamatan mengikut subperaturan (1).

Penggunaan undi pos

12. Seseorang pengundi pos yang berhasrat untuk menggunakan undi posnya hendaklah menggunakannya dengan melengkapkan dan menghantar kertas undi dan Borang 2 mengikut arahan yang dinyatakan untuk pengundi dalam Borang itu.

Penerimaan sampul iringan

13. Pegawai pengurus hendaklah, dengan serta-merta apabila diterimanya sampul B sebelum pukul lima petang pada hari mengundi, meletakkan sampul B itu tanpa dibuka ke dalam suatu peti undi pengundi pos yang telah dikunci dan dilekatkan dengan perekat keselamatan mengikut peraturan 10.

BAHAGIAN IV

PEMBUKAAN PETI UNDI PENGUNDI POS

Membuka peti undi pengundi pos

14. (1) Setiap peti undi pengundi pos hendaklah dibuka oleh pegawai pengurus dengan kehadiran ejen.

(2) Asalkan pegawai pengurus memastikan bahawa terdapat sekurang-kurangnya satu peti undi pengundi pos bagi penerimaan sampul B hingga pukul lima petang pada hari mengundi, dia boleh membuka peti undi pengundi pos yang lain itu sebelum itu.

(3) Pegawai pengurus hendaklah memberi setiap calon atau ejennya sekurang-kurangnya dua puluh empat jam notis bertulis tentang masa dan tempat bagi pembukaan setiap peti undi pengundi pos dan sampul yang terkandung dalamnya.

Membuka sampul iringan

15. (1) Apabila peti undi pengundi pos dibuka, pegawai pengurus hendaklah mengira dan mencatatkan bilangan sampul B, dan hendaklah kemudiannya membuka setiap sampul B secara berasingan.

(2) Sampul B hendaklah ditandakan “ditolak”—

(a) jika sampul itu tidak mengandungi kedua-dua Borang 2 dan sampul A; atau

(b) jika sampul itu tidak mengandungi kedua-dua Borang 2 dan kertas undi.

(3) Jika sampul B mengandungi hanya sampul A, pegawai pengurus hendaklah membuka sampul A untuk menentukan sama ada Borang 2 ada di dalam sampul itu dan jika didapati sampul itu tidak mengandungi Borang 2, maka sampul B itu hendaklah ditandakan “ditolak”.

(4) Suatu sampul B yang ditandakan “ditolak” berserta dengan kandungannya, jika ada, hendaklah dimasukkan ke dalam suatu bekas yang berasingan.

(5) Semasa membuka sampul B, selain sampul yang disebut dalam subperaturan (3), pegawai pengurus hendaklah mula-mula sekali memuaskan hatinya bahawa Borang 2 telah ditandatangani dan disahkan dengan sewajarnya, dan jika dia tidak berpuas hati, dia hendaklah menandakan pada Borang 2 “perisytiharan ditolak”, mengepilkan pada Borang 2 sampul A atau, jika tiada sampul sedemikian, kertas undi, dan memasukkannya ke dalam bekas bagi undi yang ditolak.

(6) Sebelum memasukkan Borang 2 ke dalam bekas bagi undi yang ditolak, pegawai pengurus hendaklah menunjukkan Borang 2 kepada ejen dan, jika apa-apa bantahan dibuat oleh mana-mana ejen terhadap keputusannya, pegawai pengurus itu hendaklah menambahkan perkataan “penolakan dibantah” pada Borang 2 itu.

(7) Jika nombor pada Borang 2, yang telah ditandatangani dan disahkan dengan sewajarnya, sama dengan nombor pada sampul A, maka pegawai pengurus hendaklah memasukkan Borang 2 ke dalam bekas yang berasingan dan sampul A ke dalam bekas yang lain.

(8) Jika sampul A tiada atau sampul A telah dibuka di bawah subperaturan (3), maka pegawai pengurus hendaklah—

- (a) jika nombor pada Borang 2, yang ditandatangani dan disahkan dengan sewajarnya, sama dengan nombor pada kertas undi, memasukkan perisytiharan itu ke dalam bekas bagi perisytiharan identiti dan kertas undi itu ke dalam peti undi yang sebelum itu telah ditunjukkan sebagai terbuka dan kosong kepada ejen-ejen yang hadir dan dikunci oleh pegawai pengurus dan dilekatkan dengan perekat keselamatan dan ditandatangani oleh pegawai pengurus dan ejen-ejen yang berhasrat untuk menandatangani perekat keselamatan itu;
- (b) jika nombor pada Borang 2 tidak sama dengan nombor pada kertas undi, menandakan pada Borang 2 “undi ditolak”, mengepilkan kepadanya kertas undi dan memasukkannya ke dalam bekas bagi undi ditolak.

(9) Jika nombor pada Borang 2, yang ditandatangani dan disahkan dengan sewajarnya, tidak sama dengan nombor pada sampul surat atau sampul surat A itu tiada nombor padanya, maka pegawai pengurus boleh membuka sampul itu dan hendaklah—

- (a) jika nombor pada Borang 2 sama dengan nombor pada kertas undi, memasukkan Borang 2 ke dalam bekas bagi Borang 2 dan kertas undi ke dalam peti undi yang disebut dalam perenggan (8)(a); dan
- (b) jika nombor pada Borang 2 tidak sama dengan nombor pada kertas undi atau kertas undi tiada, menandakan pada Borang 2 “undi ditolak”, mengepilkan kepadanya kertas undi, jika ada, dan meletakkannya ke dalam bekas bagi undi ditolak.

(10) Kecuali bagi maksud menentukan di bawah subperaturan (3), sama ada sampul A mengandungi Borang 2 atau di bawah subperaturan (9), sama ada nombor pada Borang 2 sama dengan nombor pada kertas undi, pegawai pengurus tidak boleh membuka sampul A sebelum sampul itu kena dibuka di bawah peraturan 17.

Pengelakan undi yang ditolak dan Borang 2

16. Setelah selesai prosiding di bawah peraturan 15, pegawai pengurus hendaklah memasukkan kandungan dalam bekas bagi undi yang ditolak dan kandungan dalam bekas bagi Borang 2 ke dalam dua bungkusan yang berasingan dan hendaklah melekatkan perekat keselamatan pada bungkusan-bungkusan itu.

Membuka sampul A

17. (1) Selepas perekat keselamatan dilekatkan pada bungkusan-bungkusan yang disebut dalam peraturan 16, pegawai pengurus hendaklah membuka secara berasingan setiap sampul A yang dimasukkan ke dalam bekas bagi sampul A.

(2) Jika sampul A tidak mengandungi suatu kertas undi, pegawai pengurus hendaklah menandakan pada sampul itu “kosong”.

(3) Jika nombor pada sampul A sama dengan nombor pada kertas undi yang terkandung dalam sampul itu, maka pegawai pengurus hendaklah memasukkan kertas undi itu ke dalam peti undi yang disebut dalam perenggan 15(8)(a) dan hendaklah menyetepikan sampul itu bagi pemusnahan segera.

(4) Jika nombor sampul A tidak sama dengan nombor pada kertas undi yang terkandung dalam sampul itu, maka pegawai pengurus hendaklah menandakan pada kertas undi itu “ditolak” dan mengepulkan sampul A kepadanya.

(5) Pegawai pengurus hendaklah meletakkan ke dalam bungkusan-bungkusan yang berasingan sampul-sampul yang ditandakan “kosong” dan kertas-kertas undi yang ditandakan “ditolak” dan hendaklah melekatkan perekat keselamatan pada bungkusan-bungkusan itu.

BAHAGIAN V

AM

Tatacara apabila didapati ada lebih daripada satu kertas undi

18. Pada mana-mana peringkat apabila sampul dibuka mengikut subperaturan 15(1), (3) atau (9) atau subperaturan 17(1), didapati bahawa terdapat lebih daripada satu kertas undi dalam suatu sampul, maka pegawai pengurus hendaklah, selepas memeriksa nombor pada kertas undi itu dengan nombor pada Borang 2 atau sampul A, mengikut mana-mana yang berkenaan, memasukkan kertas undi yang betul ke dalam peti undi yang disebut dalam subperaturan 15(8) dan menyimpan kertas undi atau kertas-kertas lain berserta semua dokumen yang lain dan kemudiannya hendaklah membuat suatu pernyataan fakta sebagaimana yang didapatinya, dengan disaksikan oleh calon atau ejen yang hadir.

Pengundi pos tidak boleh hadir untuk mengundi

19. Seseorang pengundi pos tidak berhak untuk hadir mengundi pada hari mengundi.

Pembatalan

20. Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) 1959 [*L.N. 71 tahun 1959*] dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Pengundian Pos) (Sabah dan Sarawak) 1968 [*L.N. (F) 184/68*] dibatalkan.